

03 JAN 2000

Umno-Presiden

MT MAHU MAHATHIR DICALON SEBAGAI PRESIDEN, ABDULLAH TIMBALAN

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno

MT juga, pada mesyuaratnya hari ini, menetapkan tarikh 11, 12 dan 13 Mei bagi perhimpunan agung parti itu, dan 10 Mei bagi perhimpunan Pemuda dan Wanita.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob mengumumkan keputusan MT mengenai pencalonan itu manakala Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan tarikh perhimpunan agung pada persidangan berita selepas mesyuarat itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Khalil berkata MT berharap tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan.

Dr Mahathir menjadi presiden parti sejak 1981 manakala Abdullah, adalah seorang daripada tiga naib presiden Umno, yang menjalankan tugas timbalan presiden parti sejak setahun lepas.

Jawatan timbalan presiden Umno menjadi kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 Sept 1998.

Menjawab satu soalan, Khalil berkata keputusan MT berhubung pencalonan Dr Mahathir sebagai presiden dan Abdullah sebagai timbalan presiden bukan satu arahan yang harus dipatuhi oleh bahagian-bahagian tetapi ia satu pendirian.

Keputusan itu dibuat berdasarkan pendirian dan kehendak anggota MT yang secara sebulat suara mahukan Dr Mahathir terus memimpin Umno, kata beliau.

Katanya, semua pengerusi badan perhubungan Umno negeri akan memaklumkan kepada bahagian parti masing-masing berhubung pendirian itu dan akan menasihati mereka supaya mengikuti langkah berkenaan semasa mengadakan mesyuarat perwakilan bahagian masing-masing.

Mesyuarat perwakilan bahagian untuk memilih wakil-wakil ke perhimpunan agung itu akan diadakan dalam tempoh enam minggu bermula 16 Jan.

"MT secara sebulat suara bersetuju supaya jawatan presiden and timbalan presiden tidak dipertandingkan. Ini adalah pendirian MT. Pengerusi perhubungan Umno yang menjadi ahli MT setuju dan mereka akan membawa perkara ini ke peringkat bahagian masing-masing yang akan mengadakan mesyuarat bahagian.

Katanya, bila pencalonan bagi jawatan-jawatan itu dibuat pada peringkat bahagian, cuma nama Dr Mahathir sebagai presiden dan Abdullah sebagai timbalan presiden perlu ada dalam borang pencalonan.

Bila ditanya siapakah di kalangan ahli MT yang mengemukakan cadangan itu, Dr Mahathir mencelah: "Kita bincang secara terbuka...itu sahaja, dan ini kata sepakat yang dicapai dan kita tidak mengenal pasti orang itu bila keputusan dibuat secara sebulat suara dan kita tidak menuding jari kepada sesiapa."

Kepada soalan bahawa memandangkan Abdullah sekarang menjalankan tugas timbalan presiden, adakah ini bermakna beliau secara automatik dicadang dan dicalonkan sebagai timbalan presiden, Dr Mahathir berkata: "Jawatan timbalan presiden mengikut MT tidak akan dipertandingkan, ini bermakna yang akan disokong oleh MT sebagai timbalan presiden ialah Datuk Seri Abdullah."

Bila ditanya adakah keputusan MT itu satu arahan, Dr Mahathir berkata ia bukan satu arahan tetapi satu pendirian Majlis Tertinggi, dan MT meminta ketua-ketua perhubungan Umno negeri supaya menyampaikan pendirian itu dan menasihati bahagian-bahagian supaya tidak membuat pencalonan bagi jawatan-jawatan itu selain daripada apa yang dibuat oleh MT.

Bila ditanya sama ada Umno perlu mengadakan perhimpunan khas bagi

membuat pencalonan itu, Dr Mahathir berkata ia tidak perlu kerana pendirian itu cuma berbentuk nasihat.

Ditanya kemungkinan ada bahagian yang tidak mengikuti nasihat itu, Dr Mahathir berkata: "Nasihat, nasihatlah."

Mengenai mesyuarat perhimpunan agung Umno, katanya, ia dimulakan pada hari Khamis supaya bersamaan dengan tarikh penubuhan parti pada 11 Mei.

Berhubung kempen untuk jawatan dalam parti, Dr Mahathir meminta ahli supaya tidak terlalu banyak berkempen.

"Sepatutnya semua calon dipilih berdasarkan prestasi masing-masing. Kita minta yang nak jadi naib presiden pun tak ada kempen," katanya.

Dr Mahathir juga berkata menjelang perhimpunan agung parti, kursus juga akan dianjurkan untuk semua ahli untuk memantapkan lagi pendirian mereka terhadap Umno.

Katanya, kursus penerangan bagi semua ahli Umno ialah untuk menjelaskan tentang Umno dan perjuangannya supaya mereka dapat faham dengan lebih mendalam tentang perjuangan parti dan sebab-sebab mereka berada dalam Umno.

Sebelum itu, satu kursus akan diadakan pada 11 Jan untuk melatih golongan veteran parti dan anggota MT sendiri menjadi penceramah pada kursus bagi anggota parti itu.

Mereka akan diberi penjelasan mengenai masalah yang dihadapi oleh parti dan orang Melayu dan juga masalah yang dihadapi negara.

"Ini supaya pengetahuan politik mereka mencukupi untuk mereka kemudiannya menyampaikan kursus kepada semua ahli Umno," katanya.

--BERNAMA

ARA AKT NMO MAI